

**Umat Islam Diseru Mendukung Institusi Raja Berperlembagaan
Bernama
13 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Umat Islam di negara ini diseru supaya mendukung dan menjunjung institusi Raja Berperlembagaan bagi memastikan syiar Islam terus berkembang dan umat Islam dilindungi daripada sebarang bentuk pencerobohan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata Yang di-Pertuan Agong sebagai paksi institusi itu akan terus memastikan perpaduan ummah tidak ternoda dan kesucian agama Islam terus terjaga.

"Mimbar menyeru umat Islam sekalian mengelakkan diri daripada terlibat dengan sebarang tindakan yang boleh menggugat atau mencemar institusi Raja-Raja serta mempertikai perkara-perkara termaktub dalam perlembagaan termasuklah kesucian Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara.

"Jika umat Islam hilang integriti, hilang maruah dan diperalat pihak lain, akhirnya umat Islam akan menerima nasib yang malang lagi hina di negara sendiri," katanya di Masjid Negara di sini, Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan khutbah Jumaat khas bertajuk 'Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tonggak Perpaduan Ummah', sempena pertabalan Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-14, Rabu lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658850>